

DATE: 27/10/2007

Malaysia perlu lebih ramai pakar perubatan tradisional

Oleh **ABDUL MUIN SAPIDIN**
dan **HAIRULAZIM MAHMUD**

KEPALA BATAS 26 Okt. – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu negara melahirkan lebih ramai pakar perubatan tradisional yang mampu melakukan penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi memajukan bidang tersebut.

Perdana Menteri berkata, kajian saintifik perlu dilakukan ke atas produk perubatan tradisional termasuk tanaman herba bagi menghasilkan lebih banyak ubat-ubatan yang mujarab merawat pelbagai penyakit.

Malah jelas beliau, perniagaan industri herba dunia yang kini bernilai berbilion ringgit membuktikan bidang perubatan tradisional juga mampu menjadi penyumbang besar kepada pembangunan ekonomi negara termasuk bagi tujuan eksport.

“Sebab itu saya mahu kita lebih aktif dalam penyelidikan produk-produk herba ini dan jadikan ia satu industri yang bukan sahaja untuk mengubati penyakit tapi juga untuk memajukan ekonomi.

“Negara kaya dengan tumbuh-tumbuhan semula jadi yang boleh kita selidik untuk lihat sejauh mana ia boleh mendatangkan manfaat khususnya dalam merawat pelbagai penyakit,” katanya.

Beliau berucap merasmikan Hospital Kepala Batas (HKB) dan Unit Perubatan Tradisional dan Komplementari (TCM) di sini hari ini.

Hadir sama Ketua Menteri, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon dan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Chua Soi Lek.

HKB menempa sejarah perubatan negara apabila dinobatkan secara rasmi sebagai hospital integrasi pertama negara yang memiliki unit perubatan tradisional dengan menyediakan perkhidmatan akupunktur, herba onkologi dan urutan tradisional Melayu.

Perdana Menteri berkata, produk-produk herba sudah digunakan sejak sekian lama di seluruh dunia termasuk oleh rakyat berbilang kaum di negara ini dan ia terbukti mujarab dalam mengubati pelbagai jenis penyakit.

Malah katanya, pelbagai jenis tumbuhan herba yang banyak di negara ini termasuk tongkat ali dan misai kucing sudah pun melalui proses penyelidikan secara saintifik di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat dan China.

“Kita sedar perubatan moden semakin berkembang pesat tetapi amalan perubatan tradisional tidak harus dipinggirkan malah kita perlukan lebih ramai pakar untuk buat kajian-kajian secara menda-



ABDULLAH Ahmad Badawi melawat Nur Farizah Farisha yang menerima rawatan selepas majlis perasmian Hospital Kepala Batas dan Unit Perubatan Tradisional dan Komplementari di Pulau Pinang semalam.

lam,” jelasnya.

Sehubungan itu kata beliau, institut yang bertanggungjawab menjalankan kajian-kajian seumpamanya juga perlu dibina bagi mencari penemuan-penemuan baru berhubung khasiat produk-produk herba di negara ini.

Perdana Menteri menambah, usaha kerajaan memajukan bidang bioteknologi sebagai satu cabang baru juga mampu dijadikan asas penting dalam membangunkan industri herba di negara ini.

Pada masa sama jelas beliau, kaedah perubatan tradisional yang diamalkan oleh masyarakat berbilang kaum di negara ini seperti amalan urutan Melayu dan aku-

Kajian saintifik perlu dilakukan ke atas produk perubatan tradisional bagi menghasilkan lebih banyak ubat-ubatan yang mujarab merawat pelbagai penyakit

ABDULLAH AHMAD BADAWI
Perdana Menteri

punktur juga boleh dikembangkan ke peringkat yang lebih tinggi.

Amalan urutan badan misalnya kata Abdullah, dipraktikkan secara meluas di Amerika Syarikat selain penggunaan kaedah rawatan akupunktur bagi membantu merawat pesakit kanser di banyak negara maju lain.

Dalam pada itu, beliau memberitahu, sebuah kolej kejururawatan akan dibina di sini bagi melatih lebih ramai jururawat.

Katanya, ramai jururawat di negara ini lebih gemar bekerja di luar negara ekoran bayaran yang lumayan mengakibatkan negara kekurangan tenaga kerja dalam bidang itu.